



KETUA SETIAUSAHA  
(Secretary General)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
(Ministry of Housing and Local Government)  
Aras 17  
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5003  
Faks : +(6)03 - 8891 5558

Ruj. Kami : KPKT/JPSPN/1009/56 Jld. 8 ( 8 )  
Tarikh : 5 Mei 2020

## SEPERTI SENARAI EDARAN

*Tuan/Puan,*

### PELAKSANAAN SANITASI DI KILANG/BANGUNAN/PREMIS YANG DIBENARKAN BEROPERASI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan bahawa beberapa sektor dibenarkan untuk beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menjamin kelangsungan ekonomi negara. Selaras dengan pengumuman YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui siaran media bertarikh 28 April 2020, syarikat-syarikat di dalam sektor-sektor yang dibenarkan beroperasi wajib mematuhi syarat-syarat Prosedur Operasi Standard Am dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

3. Untuk makluman Tuan/Puan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diberi tanggungjawab oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk melaksanakan kerja-kerja sanitasi awam di tempat-tempat awam terutama kawasan yang mempunyai *high human interface* dan tumpuan awam di zon merah dan zon kuning penularan COVID-19. Pada masa ini, perkhidmatan sanitasi awam yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah berdasarkan kawasan yang dikenalpasti oleh Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Manakala kilang/bangunan/premis swasta perlu disanitasi oleh pemilik kilang/bangunan/premis itu sendiri.

4. Berdasarkan SOP yang telah disediakan oleh MITI seperti di perenggan 2, pemilik kilang/bangunan/premis bertanggungjawab untuk melaksanakan proses sanitasi sebelum memulakan operasi. Sehubungan itu, Kementerian ini **tiada halangan** bagi syarikat Tuan/Puan untuk menawarkan perkhidmatan sanitasi kepada kilang/bangunan/premis swasta secara *business to business* di mana semua kos logistik, tenaga kerja, peralatan, bahan kimia dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan **ditanggung sepenuhnya** oleh syarikat Tuan/Puan. Syarikat Tuan/Puan juga perlu **mematuhi sepenuhnya** Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 yang dikeluarkan oleh KKM. Garis panduan berkenaan boleh dimuat turun daripada laman sesawang KKM.

5. Selain daripada itu, syarikat Tuan/Puan perlu mengemukakan kepada Kementerian ini **senarai premis dan jadual kerja** perkhidmatan sanitasi sebelum kerja-kerja sanitasi bermula. Bagi tujuan pelaporan, Tuan/Puan hendaklah menyediakan **laporan harian** bergambar yang lengkap setelah kerja-kerja sanitasi tersebut selesai mengikut format sebagaimana di **Lampiran A** dan mengemukakannya kepada Kementerian ini.

6. Perhatian dan kerjasama Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, dan salam hormat.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN)**

**EDARAN DALAMAN:**

(a) TKSU (Kesejahteraan Bandar)

(b) YAS KP BOMBA

(c) KP JKT

(d) KP JPSPN

(e) KPE SWCorp

(f) SUSK YBM

**SENARAI EDARAN**

1. Fendy Profesional Pest Control Sdn. Bhd.  
No. 7 & 7m, Jalan 6/1  
Pandan Indah Commercial Park  
55100 Kuala Lumpur
2. Amira Fourty Three Resources  
58-03-03 Perumahan Awam Seri Sabah 3A  
Batu 3 ½, Jalan Cheras, 56100 Cheras  
Kuala Lumpur
3. Saptavarna Sdn. Bhd.  
88-A Tingkat 1  
Jalan Hang Kasturi  
50000 Kuala Lumpur
4. Ami Associates Resources Sdn. Bhd.  
No. 11/14 Austin 18  
Jalan Austin Perdana 3  
Taman Austin Perdana  
81100Johor Bahru  
Johor
5. KSI Rhythm Sdn. Bhd.  
No.13-1 & 13-2 Jalan BPP 5/3  
Pusat Bandar Putra Permai  
43300 Seri Kembangan  
Selangor
6. Enviroverkia (M) Sdn. Bhd.  
No. 4 Lorong Maarof 1  
Bangsar Park  
59000 Kuala Lumpur
7. NEB Pest Technologist  
Lot 283 – C, 3<sup>rd</sup> Floor  
Jalan Bandar 11  
Taman Melawati  
53100 Kuala Lumpur
8. Mecof Energy (M) Sdn. Bhd.  
No. 8 – 2B Jalan Pekaka 8/4  
Seksyen 8, Kota Damansara  
47810 Petaling Jaya  
Selangor

9. Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)  
Level 30, Menara Alliance Sentral  
No 203 Jalan Tun Sambathan  
Kuala Lumpur Sentral  
P.O Box 12640  
50470 Kuala Lumpur
  
10. Nefahill (M) Sdn. Bhd.  
No. 112-2B Lorong Haruan 5/4  
Oakland Commerce Square  
70300 Seremban  
Negeri Sembilan
  
11. Nura Industrial Services Sdn. Bhd.  
PTD 3402 (5933) Kampung Lepau  
86100 Pengerang  
Johor

**LAMPIRAN A**

**LAPORAN HARIAN  
PERKHIDMATAN SANITASI DI KILANG/BANGUNAN/PREMIS YANG DIBENARKAN  
BEROPERASI DALAM TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN**

**A. MAKLUMAT OPERASI**

Bil.	Nama dan Alamat Kilang/Bangunan/Premis	Tarikh Operasi	Masa Operasi		Bilangan Pekerja	Bilangan Jentera
			Mula	Akhir		

**B. GAMBAR OPERASI**

Laporan Disediakan oleh :

.....  
**Nama :**  
**Jawatan :**  
**Tarikh :**  
**Cop syarikat :**

**Nota:-**

Laporan ini perlu dikemukakan kepada Kementerian melalui alamat emel [azulainey@kpkt.gov.my](mailto:azulainey@kpkt.gov.my) / [wmarzuliani@kpkt.gov.my](mailto:wmarzuliani@kpkt.gov.my) .